



**TEKS UCAPAN
YBRS. DR ABDUL RAHIM BIN HARUN
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN NUKLEAR MALAYSIA
BAGI BULAN OGOS 2022**

**TARIKH:
24 OGOS 2022 (RABU)**

SECARA HIBRID

Bismillahirahmanirrahim

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YBRS. DR ROSLI BIN DARMAWAN

Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan & Pembangunan Teknologi

YBRS. DR MUHAMMAD RAWI BIN MOHAMED ZIN

Pengarah Kanan Program Pengurusan

YBRS. TS. DR. ISHAK BIN MANSOR

Pengarah Bahagian Sokongan Teknikal

yang kini menanggung kerja-kerja Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal

YBRS. CIK HABIBAH BINTI ADNAN

Pengarah Bahagian Pengurusan Maklumat

Dan selaku hos majlis perhimpunan bersama Pejabat Ketua Pengarah pada bulan ini.

Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengurus-Pengurus,

Para penyelidik dan warga Nuklear Malaysia saya kasihi sekalian.

Assalamualaikum WBT,

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, dapat kita bertemu sekali lagi pada pagi yang penuh keberkatan ini dalam Majlis Perhimpunan Bagi Bulan Ogos Agensi Nuklear Malaysia. Semoga warga Nuklear Malaysia berada dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa di bawah rahmat Allah SWT.

2. Perhimpunan bulanan kali ini di anjurkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat bersama Pejabat Ketua Pengarah bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan ke-65.

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE- 65

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

3. Seperti yang kita sedia maklum, setiap tahun pada bulan Ogos, telah diisytiharkan sebagai Bulan Kebangsaan yang mana pada tahun ini genap 65 tahun kita meraikan kemerdekaan daripada cengkaman penjajahan. Definisi kemerdekaan bagi sesebuah negara adalah ibarat harta dalam menentukan kedaulatan negara dan bangsa. Kemerdekaan yang kita kecapi pada hari ini adalah harga yang dibayar bagi pengorbanan wira-wira kita demi mempertahankan negara kita, Malaysia. Ia adalah ibarat harta yang bernilai dalam menentukan kedaulatan negara dan bangsa.
4. Bagi menyemarakkan lagi sambutan ini, pelbagai program telah diatur oleh pihak Kerajaan antaranya ialah Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2022 yang telah diadakan pada 30 Julai 2022 di Putrajaya. Nuklear Malaysia termasuk saya sendiri telah sama-sama turut terlibat dalam program ini yang melibatkan penglibatakan seramai 200 warga yang terdiri daripada MOSTI, Jabatan dan Agensi di bawah MOSTI dan sekaligus telah meraih anugerah Kontinen Terbaik Program Berjalan Teguh Bersama pada program tersebut. Tahniah MOSTI dan tahniah Nuklear Malaysia.

5. Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini bertemakan "Keluarga Malaysia Teguh Bersama". Tema ini amat bersesuaian dengan iltizam dan konsep keharmonian sebuah keluarga besar berteraskan keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran. Ini sangat bertepatan dengan suasana yang kita amalkan di Nuklear Malaysia yang sentiasa mengambil positif terhadap kekuatan dan kesepaduan kolektif oleh Keluarga Nuklear Malaysia dalam mengharungi pelbagai cabaran dengan semangat sebuah keluarga.
6. Di peringkat Nuklear Malaysia, kita tidak ketinggalan memeriahkan sambutan kemerdekaan dengan penganjuran beberapa aktiviti. Jalur Gemilang antaranya telah mula dikibarkan dalam kawasan pejabat bermula 1 Ogos 2022 yang lalu. Saya juga mengalu-alukan Keluarga Nuklear Malaysia untuk menyahut saranan ini untuk mengibarkan Jalur Gemilang di pejabat, kenderaan mahupun di kediaman masing-masing sebagai tanda sokongan kepada kempen yang dijalankan.
7. Selain itu, Nuklear Malaysia melalui Bahagian Pengurusan Maklumat juga telah menganjurkan Pertandingan Lensa Keluarga Malaysia Patriotik yang berkonsepkan semangat patriotik dalam kalangan keluarga Nuklear Malaysia dengan menonjolkan dekorasi suasana sambutan kemerdekaan di premis pejabat masing-masing yang mencerminkan rasa cintakan tanah air. Syabas dan tahniah kepada Bahagian yang telah menyertai pertandingan ini.

**PAMERAN PERTANIAN, HORTIKULTUR DAN AGRO
PELANCONGAN (MAHA) 2022**

Keluarga Nuklear Malaysia yang saya kasihi

8. Saya ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada BAB dan BTS yang telah terlibat dalam Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA 2022) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) pada 4 hingga 14 Ogos lalu. Pemilihan tema **“Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan”** sangat sinonim dengan peranan Nuklear Malaysia yang turut menyumbang kepada pembangunan sekuriti makanan negara khususnya dalam menghadapi pelbagai cabaran selain memacu pemulihan sektor agromakanan dan membantu usahawan tani menjana sumber pendapatan.

9. Bagi ekspo ini, Nuklear Malaysia telah terlibat secara langsung dalam pameran yang melibatkan produk Pisang Novaria, Biobaja, Padi IS21, NM-Oligokitosan dan model Sinagama. Dua *Pocket Talk* iaitu “Biobaja Untuk Penjimatan Kos Pengeluaran Tanaman” yang disampaikan oleh Dr. Phua Choo Kwai Hoe dan “Kemudahan Penyinaran Gama Untuk Pembaikbakaan Tanaman” yang disampaikan oleh Cik Affrida Abu Hasan.

DASAR TEKNOLOGI NUKLEAR NEGARA (DTNN)

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

10. Nuklear Malaysia telah diberi mandat untuk menerajui aktiviti pembangunan Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) di peringkat kebangsaan. Cadangan pembangunan dasar ini adalah untuk dijadikan sebagai dokumen panduan untuk tempoh sehingga tahun 2030 oleh

Nuklear Malaysia dan pihak berkepentingan di dalam setiap perancangan dan pelaksanaan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan, inovasi dan ekonomi (RDCIE) teknologi nuklear. Ini adalah bertepatan dengan hasrat kementerian dalam memastikan hala tuju teknologi nuklear yang lebih jelas diperingkat kebangsaan dan antarabangsa serta mewujudkan ekosistem teknologi nuklear negara yang mampan.

11. Pelaksanaan strategi dan inisiatif DTNN bagi tempoh 2021-2030 ini dijangka akan memberikan impak yang besar kepada pembangunan sosio-ekonomi negara kepada rakyat sebagai contoh melalui projek perubatan nuklear, Reaktor Pelbagai Guna (Multi Purpose Reactor), Keselamatan Makanan, Forensik Nuklear dan lain-lain sekaligus meletakkan negara setanding dengan negara-negara maju yang lain. Kini, status penggubalan DTNN adalah diperingkat MOSTI bagi mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri.
12. Justeru, dengan adanya ekosistem kondusif seperti yang diaspirasikan dalam DTNN2030 ini nanti, menjadi hasrat Nuklear Malaysia sebagai salah satu institusi peneraju nuklear global yang menyumbang ke arah pembangunan Malaysia yang maju, lestari, progresif, makmur dan harmoni pada tahun 2030. InsyaAllah.

MINGGU SAINS NEGARA 2022

Warga Nuklear Malaysia Sekalian

13. Pada bulan Jun lalu, Nuklear Malaysia bersama Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) dan Pusat Sains Negara telah diberi

tanggungjawab untuk menganjurkan program yang bertemakan "Kegunaan Aman Nuklear." Antara aktiviti yang diadakan sepanjang program tersebut ialah Pertandingan Menulis Esei Sains dan Teknologi Nuklear, serta Pertandingan Melukis Poster S&T Nuklear yang kini sedang dalam proses penjurian.

14. Nuklear Malaysia telah menerima sebanyak 2,878 penyertaan menulis esei manakala 2500 penyertaan melukis poster. Syabas dan tahniah saya ucapkan atas usaha Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) yang telah menggerakkan Program MSN 2022; Kegunaan Aman Nuklear dan juga komitmen warga Nuklear Malaysia terhadap program ini.

PEMANTAUAN PROJEK-PROJEK PENYELIDIKAN

Keluarga Nuklear Malaysia Sekalian,

15. Sebagai Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, saya memohon kerjasama semua Pengarah dan Pengurus di Nuklear Malaysia untuk sentiasa membuat pemantauan bagi setiap projek-projek penyelidikan yang dilaksanakan agar tidak melanggar peraturan-peraturan semasa yang ditetapkan oleh Kerajaan. Kita perlu sentiasa mengambil tahu dan peka kepada projek-projek yang dilaksanakan di peringkat Bahagian supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan dan menjejaskan nama baik Nuklear Malaysia pada masa akan datang.
16. Adalah menjadi tanggungjawab kepada kita semua, untuk mematuhi etika perjawatan yang kita tandatangani sewaktu kita diambil bertugas, iaitu berikrar untuk melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan bertanggungjawab kepada negara. Peliharalah nama baik Nuklear

Malaysia, bekerja dan berkhidmat dengan ketulusan dan ketelusan (*sincere and transparent*), memelihara jati diri dengan mengelak daripada terbabit dalam salah laku rasuah dan ketirisan, menyediakan suasana kerja yang kondusif sebagai sebuah pasukan dan memelihara serta melaksanakan amanah rakyat dengan sebaik-baiknya.

TATACARA PERMOHONAN PEROLEHAN

17. Selain itu, ingin sata tegaska berkenaan Tatacara Permohonan Perolehan untuk Penganjuran Bengkel/Kursus/Latihan. Saya dimaklumkan bahawa masih lagi terdapat tabiat mengenai permohonan yang lewat dan tidak lengkap daripada pihak Bahagian dalam urusan permohonan kelulusan sebelum membolehkan pengeluaran pesanan tempatan untuk penganjuran kursus/bengkel/latihan secara pakej dikeluarkan.
18. Justeru, saya memohon agar semua Bahagian untuk sentiasa melaksanakan kerja secara efisyen untuk merancang dengan lebih baik terutamanya bagi kursus yang akan diadakan di luar yang memerlukan kelulusan dari pelbagai peringkat seperti PBKP/KP/JKSH mengikut had nilai. Untuk makluman, yang diterima lewat, pesanan kerajaan tidak dapat dikeluarkan dan risiko nya adalah pegawai yang bertanggungjawab terpaksa menggunakan wang pendahuluan sendiri atau Bahagian.
19. Perkara ini seharusnya diberi perhatian serius memandangkan Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1 telah menetapkan agar Pesanan Tempatan (PO) dikeluarkan sebelum perkhidmatan diperlukan. Mohon semua agar dapat menepati dateline yang telah ditetapkan iaitu tujuh (7) hari sebelum

perkhidmatan. Pelanggaran terhadap perkara ini akan mengakibatkan bayaran kepada pemohon perlu dilaksanakan di bawah AP59 (surcaj).

PEMANTAPAN NILAI-NILAI PROTOKOL DALAM PENGURUSAN MAJLIS

20. Amalan nilai protokol yang baik mencerminkan sikap profesionalisme kita terutama dalam mengendalikan sesuatu majlis atau program apatah lagi yang melibatkan jemputan dari pihak luar. Ini adalah kerana ia akan memberikan gambaran kepada pihak luar betapa warga kerja Nuklear Malaysia mempunyai nilai komitmen dan dedikasi yang tinggi di dalam mengendalikan sesuatu majlis atau program.
21. Justeru, saya memohon agar urusetia bagi setiap penganjuran majlis atau program yang dilaksanakan perlu mengambil berat dan memandang serius akan hal-hal yang melibatkan protokol, perjalanan majlis, susunan salutasi VVIP, teks ucapan perasmian atau aluan, teks ucapan pengacara majlis, gaya dan etika pengacara majlis semasa mengendalikan majlis dan sebagainya.
22. Sehubungan itu, setiap urusan yang melibatkan penganjuran majlis dan protokol, perlu merujuk dan melibatkan pihak UKK bagi tujuan rujukan, semakan dan penambahbaikan terlebih dahulu sebelum majlis berlangsung.

PENUTUP

23. Kejayaan Nuklear Malaysia untuk terus relevan selama 50 tahun ini bukanlah usaha yang bermula hari ini tetapi kejayaan yang dicapai ini adalah penentu kepada sebuah perjuangan pada masa akan datang.

Inilah perjuangan kita bagi memerdekakan dunia sains teknologi agar ia bukan sahaja dihayati pada sesetengah kumpulan masyarakat tetapi dibudayakan selaras dengan kemajuan teknologi berasaskan kepada penyelidikan-penyelidikan yang terhasil daripada buah fikiran saintis hebat di Nuklear Malaysia.

24. Menjangkau 50 Tahun Nuklear Malaysia atau Jubli Emas tidak lama lagi, saya berharap agar Nuklear Malaysia dapat menonjolkan teknologi nuklear ini ke hadapan dan menerajui beberapa bidang di masa hadapan seperti reaktor, akselerator, teknologi penyurih radioaktif, nadir bumi, pengurusan sumber semulajadi dan kualiti air, pembangunan sensor dan automasi, pertanian pintar dan penghasilan radioisotop dalam bidang perubatan. Kepakaran dan pengalaman Nuklear Malaysia, dengan penglibatan pelbagai pihak pemegang taruh, diharap dapat membantu dalam mencapai hasrat MOSTI untuk menjadikan STI sebagai agenda untuk rakyat, selaras dengan tema MOSTI “ Merakyatkan sains, Menginsankan teknologi”
25. Sebelum saya mengakhiri ucapan, pesan saya sempena kita menyambut Hari Kebangsaan dalam beberapa hari lagi ini, agar warga Nuklear Malaysia sentiasa berusaha untuk memupuk semangat patriotisme dan membentuk jati diri bangsa secara berterusan tanpa henti. Hayatilah erti sebuah kemerdekaan dan pertahankanlah Negara kita. Pepatah yang sering kita dengar “Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh” memberikan seribu makna untuk kita memastikan rakyat Malaysia terus bersatu padu dan Negara kekal aman.

26. Marilah sama-sama kita merapatkan saf dan berazam agar semangat Hari Kebangsaan dengan tema “**Keluarga Malaysia Teguh Bersama**” dapat kembali menyemarakkan semangat patriotisme di dalam diri kita dan menyemai budaya integriti untuk Malaysia yang lebih sejahtera demi masa hadapan generasi akan datang.

Merdeka! Merdeka! Merdeka!

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

